

KOPERASI KOISAAN BERHAD (KKB)
(Bil. Daftar: S-4-673)

Koperasi Koisaan Berhad (KKB) ini telah diperakui penubuhannya di bawah Seksyen 7(1) Akta Koperasi 1993 sebagai suatu koperasi asas dengan liabiliti terhad oleh Pendaftar Koperasi Negeri Sabah pada 8hb Januari 2002.

Matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, KKB bolehlah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) untuk menyertai secara langsung dalam perniagaan runcit dengan mempunyai dan menjalankan setor runcit atau rangkaian setor runcit;
- (ii) untuk memperolehi dengan cara pembelian borong seboleh-bolehnya secara yang menguntungkan bekalan keperluan rumah, pertanian atau keperluan lain dan menjual keperluan tersebut secara runcit;
- (iii) untuk bertindak sebagai agensi kepada perniagaan, perdagangan atau komersial dan institusi kewangan yang berkedudukan baik;
- (iv) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih;
- (v) melabur wang berlebihan dalam perkara-perakara yang dibenarkan di bawah Seksyen 54, Akta Koperasi;
- (vi) mengadakan subsidiari di bawah Seksyen 19, Akta dengan kebenaran Ketua Pendaftar; dan
- (vii) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain.

Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada ***semua ahli-ahli individu Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah (KDCA) sahaja.***

Seseorang yang ingin menjadi ahli Koperasi ini mestilah:-

- (i) warganegara Malaysia
- (ii) telah mencapai umur lapan belas tahun;
- (iii) bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan
- (iv) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam boring rasmi Koperasi dan dialamatkan kepada Setiausaha.

Alamat Perhubungan:

Hongkod Koisaan, Km 8, Jalan penampang
WDT 39, 89509 Penampang, Sabah, Malaysia
No. Tel: 088-715337

